

08/02/1997

Asas syariah menangani gejala sosial

ISU mengenai masalah sosial yang melanda masyarakat sekarang bukan perkara baru, malah pelbagai usaha sudah dilakukan untuk menanganinya. Daripada zaman datuk nenek kita dulu, kita berusaha untuk mengatasi gejala berkenaan, tetapi masih belum berjaya. Kini keadaan semakin parah apabila bertambah ramai generasi muda Melayu yang terjebak dalam kegiatan yang menjurus kepada keruntuhan akhlak.

Jika kita renung sejarah tamadun manusia, empayar Rom, Parsi dan Islam Turki mengalami keruntuhan akibat akhlak pemimpin dan rakyatnya yang begitu rendah nilainya. Malah, kegemilangan orang Melayu pada zaman Kesultanan Melaka hancur di tangan Portugis pada 1511 angkara kelunturan akhlak pemimpin dan rakyatnya.

Hari ini, orang Melayu tidak kira kanak-kanak, remaja, belia dan dewasa memperlihatkan sifat keji. Kanak-kanak dengan kes curi basikal, remaja gila motor, tidak minat belajar, menghisap rokok dan ganja, berfoya-foya serta tunjuk lagak di sana-sini. Ramai belia yang terbabit dengan seks bebas, menyalahgunakan dadah, berlumba motosikal dan kereta secara haram, ke disko serta berseronok dengan rakan sebaya. Ramai juga yang dijangkiti HIV dan mengira hari menunggu maut selepas positif Aids. Orang dewasa pula terbabit dengan kes judi ekor, cabul, minum arak, lepak di disko dangdut dan kelab malam.

Jika kita menganggap Melayu itu Umno dan Umno itu Melayu, maka parti berkenaan perlu segera menyusun jentera memerangi gejala sosial di kalangan orang Melayu. Semua golongan perlu diselamatkan. Tugas Umno bukan lagi memperjuangkan hak penduduk kampung yang tiada jambatan kayu atau bekalan elektrik, tetapi kini membabitkan soal kemampunan atau kepupusan bangsa Melayu dalam tempoh yang terdekat ini. Kini, pemimpin Umno boleh melupakan sementara kempen untuk merebut jawatan, sebaliknya menyusun program berterusan menyedarkan orang Melayu mengenai kemungkinan generasi Melayu baru akan pupus pada pertengahan abad ke 21 jika gejala yang ada sekarang tidak dihapuskan.

Usaha Umno merintis jalan menggerakkan jentera parti itu memerangi gejala sosial di kalangan orang Melayu, khususnya melalui pendidikan tidak formal dan pembentukan sahsiah mereka, memang bijak walaupun MCA dikatakan sudah melakukan perkara itu sejak dua tahun lalu. Umno mula menyedari orang Melayu kian lemah dicengkam gejala sosial dan mereka perlu dibebaskan segera sebelum ia memusnahkan seluruh bangsa. Syabas kita ucapkan kepada Pengerusi Biro Agama Umno, Datuk Dr Abdul Hamid Othman; Pengerusi Biro Kebajikan, Datuk Mustapa Mohamed dan Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, yang mengusahakan program itu.

Kita menunggu reaksi Pemuda Umno mengenai langkah ini dan mampukah pergerakan itu mengemukakan satu kerangka kerja yang mantap kerana mereka juga ada tanggungjawab berat memastikan ahli dan generasi muda Melayu selamat di dunia dan akhirat. Pemuda Umno harus menangani isu ini sebagaimana mereka kelihatan bersungguh-sungguh meminta Mara bertindak tegas kepada bekas pelajar dan usahawan yang berhutang, selain begitu cergas memperkatakan soal Koridor Raya Multimedia (MSC).

Pada masa yang sama, ibu bapa perlu ditarbiyahkan. Mereka perlu dipandu apakah tugas sebenar supaya mereka tidak menyerahkan bulat-bulat tugas berkenaan kepada guru di sekolah. Mendidik anak adalah tanggungjawab ibu bapa, manakala mengajar adalah tugas guru. Panduan keibubapaan di kalangan

masyarakat kita memang sifar. Oleh itu, wajar semua pihak memikirkan bagaimana panduan dengan menggunakan asas syariah yang bersifat universal boleh dikembangkan kepada masyarakat.

Antara fenomena ibu bapa Melayu hari ini ialah kebanyakan mereka bekerja dan tugas menjaga dan mendidik anak diserahkan kepada amah dan guru. Tekanan kerja, kesesakan lalu lintas dan desakan kewangan menyebabkan ramai yang membuat kerja sampingan selepas waktu pejabat. Ini menyebabkan mereka tidak ada masa bersama anak, jikalau adapun dalam suasana tegang dan marah-marah. Ini dilihat antara saham paling besar dalam kes remaja liar.

Seperti kata Dr Mahathir, jangan salahkan Internet, multimedia, radio, televisyen dan kelab malam dalam soal gejala sosial ini, tetapi kaji kelemahan diri sendiri, fahami masalah itu dan cari jalan menyelesaikannya. Sebenarnya, punca utama tetap tertuding ke batang hidung ibu bapa itu sendiri kerana seperti sabda Rasulullah yang maksudnya ibu bapa itulah yang mencorakkan anaknya menjadi menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi.

(END)